

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-28 PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

TEMPAT: DEWAN WAWASAN, MENARA PGRM KUALA LUMPUR

TARIKH: 24 JUL 1999

MASA:

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja parti kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-28 Parti Gerakan pada hari ini. Ini adalah keistimewaan yang diberikan kepada saya selaku Pengerusi Barisan Nasional. Walaupun amalan ini nampak biasa, tetapi ia melambangkan semangat kerjasama rapat antara kita ahli parti komponen Barisan Nasional. Semangat inilah yang membolehkan kita membentuk Kerajaan yang kuat di dalam usaha kita memajukan negara.

2. Sebagai anggota komponen Barisan Nasional, Parti Gerakan telah memainkan peranan yang amat penting di dalam mengekalkan semangat perpaduan yang telah kita dokong selama ini. Ini amat jelas dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini semasa negara mengalami kegawatan ekonomi dan masalah politik.

3. Masih segar di ingatan kita, bagaimana negara menjadi muram kerana semua perniagaan merosot dan rugi serta pihak tertentu cuba mencetuskan rusuhan untuk menyelamatkan diri dan merebut kuasa. Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah luar biasa untuk menangani kedua-dua masalah yang timbul. Saya amat berbangga kerana Parti Gerakan tetap setia dalam menyokong semua tindakan Kerajaan tanpa sedikit keraguan pun. Sokongan padu ini memudahkan usaha Kerajaan menangani kemelut yang dihadapi negara. Untuk ini saya ucapkan terima kasih kepada Presiden, barisan kepimpinan dan kesemua ahli-ahli Parti Gerakan.

4. Semangat kerjasama dan sokongan padu kesemua parti komponen Barisan Nasional kepada Kerajaan di dalam menangani masalah ekonomi kini telah menampilkan kebijaksanaannya. Langkah-langkah yang kita cipta dan ambil, seperti pengawalan nilai ringgit dan pengaliran modal, penurunan kadar faedah dan lain-lain ternyata berjaya. Hari ini tahap ekonomi negara berada di dalam keadaan yang baik. Ada pihak yang meramal pertumbuhan ekonomi negara akan melebihi tahap jangkaan awal sebanyak satu peratus. Tetapi yang pentingnya kita akan kembali kepada pertumbuhan ekonomi seperti sebelum

serangan ke atas kewangan dan ekonomi kita.

5. Tentu kita masih ingat bagaimana kita dikecam hebat oleh masyarakat dunia kerana langkah-langkah yang kita ambil. Mereka mengatakan bahawa tidak mungkin langkah-langkah mengawal modal yang dicipta oleh kita akan berjaya. Mereka mendakwa negara kita akan hancur. Mereka mempersendakan kita dan memperkecilkan kebolehan kita. Mereka mengatakan bahawa lambat-laun kita tetap akan terpaksa tunduk dan meminta bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Bermacam-macam kritikan dilemparkan kepada kita sehinggakan tidak ada satu pun yang kita buat dianggap baik dan dipandang positif.

6. Tetapi hari ini para pengkritik kita terpaksa menarik balik kecaman mereka. 'They have to swallow their own words'. Bukan sahaja kita berjaya memulihkan keadaan ekonomi kita dengan cara kita, malah kita juga telah berjaya mengekalkan keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum negara ini. Kini langkah-langkah yang kita ambil telah mula diberi pengiktirafan. Pengkritik kita, termasuk dari Bank Dunia dan IMF, mengaku bahawa langkah-langkah yang kita ambil mempunyai potensi untuk berjaya dan memulihkan ekonomi dengan lebih cepat berbanding negara-negara yang menerima bantuan IMF.

7. Kita tidak ingin mendabik dada ataupun merasa sombong dan angkuh. Tetapi hakikatnya ialah langkah-langkah untuk menangani kegawatan ekonomi ini adalah hasil usaha kita sendiri. Kita telah melawan arus, 'we swam against the current' setelah kita yakin yang cara mereka dan penyerahan kepada mereka akan hanya memburukkan keadaan di samping menjejaskan kebebasan kita mengurus negara kita sebagai negara yang merdeka. Keyakinan ini menjadi lebih kukuh selepas bekas Menteri Kewangan memperkenalkan 'Virtual IMF' dan kerosakan yang teruk berikutan daripadanya.

8. Dengan kebebasan daripada tekanan pedagang matawang dan 'short-selling' melalui CLOB, kita dapat menurunkan faedah dan menambah kredit untuk menolong peniaga kita. Selepas itu kita berusaha untuk meningkatkan ekonomi dengan menolong memasarkan hartanah atau 'properties' dan juga jualan runcit. Kita telah pulihkan hutang-hutang syarikat dan bebanan hutang yang tidak dibayar (NPL) yang ditanggung oleh bank. Industri pembinaan dibantu supaya hidup semula di samping bantuan dan galakan kepada industri eksport. Import kita dikurangkan melalui berbagai-bagai cara dan dengan ini rizab kita meningkat daripada 20 bilion Dolar AS kepada 31 bilion Dolar AS. Perbelanjaan Kerajaan yang telah dikurangkan oleh bekas Menteri Kewangan sehingga pembekal khidmat, barangan dan kontrak mengalami kerugian yang teruk telah kita

pulihkan semula. Kadar faedah diturunkan dan bank dinasihatkan supaya memberi pinjaman dengan lebih mudah.

9. Walaupun ramai para pengkritik telah mula menukar pandangan mereka, namun terdapat segolongan orang asing ini yang masih tidak boleh menerima hakikat bahawa kita sudah berjaya dan mulai pulih. Mereka tetap dengan pendirian mereka bahawa langkah-langkah yang kita ambil sebenarnya salah. Yang paling malang sekali, terdapat segelintir daripada rakyat Malaysia yang terlalu suka mengikut cara orang asing ini sehingga sanggup mencaci Kerajaan dan negara sendiri. Mereka ini masih bermentaliti kolonial iaitu mempercayai hanya orang asing sahaja yang berkebolehan dan kita perlu ikut apa yang disuruh oleh mereka.

10. Mereka ini juga membuat tuduhan bahawa kononnya sistem kehakiman negara kita tidak bebas dan mereka memburukkan sistem kehakiman kita kepada orang asing. Mereka ini tidak mengambilkira bahawa hanya di Malaysia sahaja yang mahkamah pernah menghukum bahawa parti Kerajaan adalah tidak sah. Dan UMNO terpaksa ditubuhkan semula dengan bermacam-macam halangan dan rintangan. Di Malaysia beberapa menteri kabinet telah dihadapkan ke mahkamah dan seorang daripada mereka dikenakan hukuman bunuh, tanpa Kerajaan dapat membuat apa-apa walaupun rakan-rakan dalam kabinet dan saya juga bersependapat ianya tidak bersalah. Beberapa orang Menteri Besar dan Ketua Menteri daripada Barisan Nasional telah dihadapkan ke mahkamah dan dihukum. Dan baru-baru ini dua orang Ahli Exco Kerajaan Negeri juga dihadapkan ke mahkamah.

11. Jika benarlah Kerajaan boleh mengarah hakim-hakim mahkamah Malaysia serta pendakwaraya atau Peguam Negara membuat apa sahaja, sudah tentu pembesar Kerajaan, rakan dan kawan pucuk pimpinan parti tidak akan dihadapkan ke mahkamah dan tidak akan dihukum. Tetapi tindakan terhadap anggota Kerajaan, rakan dan kawan kepada kepimpinan negara serupa sahaja dengan pendakwaan dan hukuman ke atas orang lain. Sebaliknya kita tahu apabila pemimpin parti lawan didapati bersalah, hukuman ke atasnya diringkankan supaya ia tidak akan kehilangan kerusi Parlimen.

12. Sebenarnya yang sepatutnya menyoal keadilan dan pengecualian kehakiman negara ini ialah Kerajaan dan parti Kerajaan. Tetapi kita tidak menyoal, jauh sekali menuduh bahawa kehakiman kita berat sebelah. Kita menerima sahaja keputusan mahkamah sama ada kita menang atau kalah.

13. Saya telah memberitahu pemberita asing yang selalunya menyokong pembangkang akan sikap kehakiman dan kes-kes tertentu ini. Mereka pura-pura terkejut dan menyatakan mereka tidak tahu akan perkara-perkara

ini. Tetapi laporan mereka tidak pernah menyebut apa yang saya beritahu kepada mereka. Demikianlah keadilan dan kebebasan mereka -- mereka bercerita apa yang mereka suka dan mereka menyembunyikan apa yang mereka tidak suka. Sesungguhnya Malaysia dan Kerajaan Malaysia tidak pernah mendapat keadilan daripada media asing. Entah kerana apa mereka selalu memihak kepada parti lawan, dan jelas ingin menjatuhkan Kerajaan Malaysia. Parti-parti Komponen Barisan Nasional perlulah berhati-hati dengan orang yang tidak adil sama sekali apabila menilai prestasi kita.

14. Kali ini parti lawan cuba membuat pakatan ala Barisan Nasional. Kita tidak gentar. Tetapi kita khuatir dengan sokongan yang jelas diberi kepada mereka oleh orang asing termasuk pemimpin kuasa besar. Kita telah melihat bagaimana orang asing berjaya mencetuskan kegawatan melalui serangan ekonomi supaya Kerajaan dapat ditumbangkan. Rakyat tiba-tiba menjadi miskin dan menderita. Mereka merompak dan membunuh. Tetapi pihak asing tidak sedikit pun rasa bersalah. Mereka sebaliknya menyalahkan Kerajaan dan membantu proses menjatuhkan Kerajaan.

15. Sehingga kini kita di Malaysia dapat mempertahankan diri kita daripada manipulasi orang asing. Ramai juga yang berkata apa yang berlaku di negara lain tidak mungkin berlaku di negara kita. Tetapi kita tidak boleh yakin bahawa ia tidak akan berlaku. Jika kita biarkan, jika rakyat mengambil ringan, ada kemungkinan huru-hara berlaku di negara kita. Rakyat tidak harus percaya bahawa amaran yang kita beri hanyalah taktik politik. Jika mereka membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh parti lawan, malapetaka yang menimpa negara lain akan menimpa negara kita juga.

16. Kita tidak menyuruh rakyat percaya secara membuta-tuli semua yang didakwa oleh Kerajaan. Periksalah dengan teliti dahulu. Tetapi periksa dengan ketelitian yang sama juga segala tuduhan yang dilemparkan oleh parti lawan terhadap Kerajaan. Apakah benar Kerajaan Barisan Nasional tidak perihatin -- 'care' -- terhadap nasib rakyat? Apakah pemerintahan Barisan Nasional pemerintahan kuku besi yang tidak memberi kebebasan kepada rakyat bersuara, tidak memberi kebebasan kepada parti lawan? Apakah Kerajaan Barisan Nasional pembazir wang negara, boros dan tidak bertanggungjawab? Apakah Kerajaan tidak menolong mengurangkan tol jalan, cukai dan lain-lain yang dikenakan ke atas rakyat? Apakah Kerajaan Barisan Nasional tidak mengawal inflasi sehingga kos sara hidup di Malaysia hanya satu per tiga daripada kos sara hidup di negara yang setaraf di dunia? Apakah Kerajaan Barisan Nasional tidak mengawal keselamatan rakyat sehingga rakyat bebas ke mana-mana sahaja tanpa takut keselamatan diri diancam? Apakah Kerajaan Malaysia tidak dapat mengatasi serangan ke

atas ekonomi negara oleh penyangak matawang asing?

17. Sesungguhnya rakyat Malaysia bernasib baik. Ramai orang asing yang meminta-minta untuk menjadi rakyat Malaysia atau dapat tinggal di Malaysia. Rakyat Malaysia yang berpindah ke luar negeri juga sudah ramai yang kembali ke tanahair. Tentulah keinginan orang asing untuk tinggal di Malaysia disebabkan Malaysia adalah lebih baik daripada negara mereka. Tentulah malang jika rakyat Malaysia sendiri tidak menghargai segala-gala yang didapati di Malaysia. Tentulah amat malang jika rakyat membenci Kerajaan tanpa sebab dan dengan itu cuba menjatuhkan Kerajaan.

18. Menjelang pilihanraya bermacam-macam tuduhan yang tidak berasas akan dilempar terhadap Kerajaan. Tujuan parti lawan ialah untuk menanam rasa benci dan marah terhadap Kerajaan. Mereka berharap apabila rakyat benci dan marah kepada Kerajaan, rakyat akan menyokong mereka pula, akan mengundi mereka walaupun tidak ada sesuatu kebaikan yang akan diperolehi oleh rakyat jika calon parti lawan menang. Nasib rakyat tidak sama sekali diambilkira oleh parti lawan. Sebab itu mereka sanggup menjanjikan benda-benda yang tidak mungkin dibuat oleh mereka -- 'Malaysian Malaysia', Negara Islam PAS, pencen untuk semua rakyat, melelong Putrajaya dan bermacam-macam lagi. Janji-janji ini sendiri mendedahkan kepercayaan mereka bahawa mereka tidak boleh menang, tidak akan mendirikan Kerajaan yang akan memenuhi janji mereka. Mereka berjanji hanya untuk menambah undi bagi parti mereka dan mungkin menang beberapa kerusi tambahan.

19. Namun demikian Barisan Nasional dan Parti Komponen Barisan Nasional tidak boleh 'complacent'. Kita mesti menentukan kemenangan kita besar, kita mendapat dua per tiga kerusi atau lebih. Sebabnya ialah kerana kita mempunyai banyak kerja yang perlu kita buat untuk menjayakan Wawasan 2020.

20. Parti Komponen Barisan Nasional perlu menolong sesama komponen. UMNO akan mengundi calon Barisan Nasional daripada Parti Gerakan di mana sahaja. Demikian juga MCA, MIC, PPP dan parti-parti komponen lain, mereka semua akan mengundi calon Barisan daripada Parti Gerakan. Saya yakin apabila calon sudah ditentukan Parti Gerakan dan jenteranya akan bekerja kuat untuk memberi kemenangan kepada calon Barisan Nasional daripada Parti Gerakan dan kepada semua calon Barisan Nasional daripada parti-parti komponen yang lain. Dengan cara ini kita akan dapat mendirikan Kerajaan yang kuat dengan lebih daripada dua per tiga kerusi.

21. Inilah falsafah Barisan Nasional dan 'raison detre' Barisan Nasional. Dengan harapan kita akan memperoleh kejayaan, 'God Willing', Insya Allah, saya

dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan
Tahunan Yang Ke-28 bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia.